

30/08/1997

Pas tidak tahu bangunkan Kelantan

PASIR PUTEH, Jumaat - Kelantan menghadapi masalah pembangunan kerana kerajaan negeri pimpinan Pas tidak tahu membangunkan negeri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, rakyat Kelantan harus menolak kepemimpinan yang tidak cekap dan tidak tahu selok-belok berkaitan urusan pentadbiran walaupun majoriti penduduknya beragama Islam, mahir dan mempunyai kebolehan semula jadi.

Menurutnya, rakyat negeri ini tidak harus terpedaya dengan pelbagai janji palsu Pas, sedangkan pada masa yang sama pemimpinnya sering mendakwa serba tidak tahu dalam semua perkara.

Jika Kelantan terus menerus diperintah kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional (BN) sejak dahulu tanpa sebarang gangguan, negeri ini sudah pasti mengecapi nikmat pembangunan dan kemajuan pesat.

Bagaimanapun, beliau percaya selepas kemenangan BN dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak pada 11 Ogos lalu, rakyat akan terus memberi sokongan kepada parti itu dan menolak Pas yang memang tidak mampu mengendalikan urusan pentadbiran.

"Kita akan mendapat banyak nikmat dan memulihkan Kelantan, menjadikannya negeri contoh kerana hampir 100 peratus penduduknya adalah beragama Islam. Inilah harapan BN terhadap rakyat Kelantan," katanya menyampaikan ucapan perdana pada majlis Perhimpunan Bersama Rakyat, di Sekolah Menengah Cherang Ruku, dekat sini hari ini.

Perhimpunan itu sebagai penutup Konvensyen Umno/BN Kelantan '97 yang berlangsung sejak semalam, di Kota Bharu bertemakan 'Semarakkan Iltizam Ke Arah Perubahan'.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima Semutar Semerak daripada calon BN yang menang dalam pilihan raya kecil, baru-baru ini, Kamarudin Mohd Nor, sebagai simbol kemenangan BN. Beliau juga menerima dokumen Deklarasi Semerak daripada Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata, rakyat negeri ini sepatutnya memilih pemimpin dan kerajaan yang tahu (berkebolehan memimpin), bukan hanya mengatakan serba tidak tahu dalam semua perkara.

Rakyat harus memilih sebuah kerajaan yang berwibawa dan tidak mudah terpengaruh dengan dakwah parti politik yang kononnya memperjuangkan Islam.

"Sebenarnya yang berjuang untuk Islam adalah Umno," katanya.

(END)